



**SOALAN LAZIM (FAQ)
SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2023**

RAYUAN STR 2023

1. S: Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan STR?

- J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan STR adalah:
- Pemohon yang berstatus Tidak Lulus STR; atau
 - Pemohon yang berstatus Lulus STR dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak, perubahan status perkahwinan dan perubahan pendapatan sahaja

2. S: Saya telah membuat semakan status permohonan STR dan didapati permohonan saya berstatus Tidak Lulus. Bilakah Permohonan Rayuan STR bermula?

- J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat **mulai 03 Julai 2023 - 31 Julai 2023** (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

3. S: Bagaimanakah kaedah Permohonan Rayuan STR?

- J: Kaedah Permohonan Rayuan STR adalah seperti berikut:

i. Permohonan Secara Dalam Talian

- Portal Rasmi STR LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>; atau
- Aplikasi Sumbangan Tunai Rahmah dengan memuat turun di Play Store / App Store pada telefon bimbit

ii. Permohonan Melalui Borang Manual

- Penghantaran Borang Rayuan STR berserta dokumen berkaitan di Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang terdekat.

Anda digalakkan untuk membuat Permohonan Rayuan STR secara dalam talian kerana kaedah tersebut adalah lebih mudah, cepat dan selamat.

4. S: Bagaimanakah Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dilakukan?

- J: Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu MySTR > Permohonan Rayuan. Log masuk MySTR memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini. Sekiranya masih belum mendaftar MySTR, sila rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MySTR bagi kaedah pendaftaran MySTR di Portal Rasmi STR LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>

5. S: **Adakah penghantaran Borang Permohonan Rayuan STR di Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM boleh dibuat pada hujung minggu semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?**
- J: Tidak. Kaunter Permohonan Rayuan STR di Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM tidak dibuka pada hujung minggu semasa tempoh Permohonan Rayuan STR. (Rujuk Portal Rasmi STR dari semasa ke semasa)
6. S: **Adakah saya perlu memuat naik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan STR?**
- J: Ya. Dokumen sokongan diperlukan bergantung kepada kod Tidak Lulus STR. Rujuk Soalan 29 bagi senarai dokumen mengikut kod alasan Tidak Lulus.
7. S: **Saya telah membuat Permohonan Rayuan STR secara dalam talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi permohonan rayuan. Adakah saya masih boleh membuat kemas kini rayuan secara dalam talian?**
- J: Kemas kini Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat selagi permohonan rayuan masih belum diproses oleh pegawai LHDNM. Sekiranya Permohonan Rayuan STR telah diproses oleh pegawai LHDNM, kemas kini Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara manual di kaunter Pejabat LHDNM sebelum atau pada 31 Julai 2023.

PENGESAHAN PENGENALAN

KOD ALASAN 01 / 02 / 03

8. S: **Saya Tidak Lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?**
- J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.
9. S: **Saya Tidak Lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan data agensi. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?**
- J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

PENGESAHAN PENDAPATAN
KOD ALASAN 08 / 09 / 10 / 11 / 72

10. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM5,000 (bagi kategori Isi Rumah) / pendapatan pemohon melebihi RM2500 (bagi kategori Bujang). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?

J: Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

11. S: Saya Tidak Lulus kerana pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan (Kod 72). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?

Bagi kod 72 (semakan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan). Pemohon perlu melaporkan maklumat pendapatan yang sebenar pada Borang Permohonan Rayuan STR.

PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN
KOD ALASAN 14 / 15 / 16 / 17 / 18 / 19 / 20 / 21

12. S: Adakah saya perlu mengemukakan dokumen maklumat perniagaan pemohon / pasangan agar Permohonan Rayuan STR saya dipertimbangkan?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

13. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan berstatus tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR?

J: Ya. Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

14. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang boleh dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?

J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

**PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN
KOD ALASAN 22 / 23 / 24**

15. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus bagi kod 22 / 23 / 24 berkenaan status pemilikan kenderaan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Sekiranya kenderaan tersebut diperolehi hasil daripada cabutan bertuah / hadiah daripada peraduan / majikan, adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh rayuan STR dibuka?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

16. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus dengan kod 22 / 23 / 24 tetapi kenderaan tersebut telah hilang / dicuri dan laporan polis juga telah dibuat. Apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?

J: Sebarang pengemukaan dokumen sokongan adalah tidak diperlukan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

17. S: Saya Tidak Lulus Kod 22 / 23 / 24 pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Apakah kriteria bagi kenderaan tersebut?

J: Kriteria pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40) adalah seperti berikut:

- i. Memiliki kenderaan mewah dan tahun buatan kurang daripada 5 tahun
- ii. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 2,000 cc dan tahun buatan kurang daripada 10 tahun
- iii. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 1,600 cc dan tahun buatan kurang daripada 5 tahun
- iv. Memiliki motosikal yang berkapasiti enjin melebihi 300 cc dan tahun buatan kurang 5 tahun
- v. Memiliki kenderaan bagi bahan bakar hibrid dan tidak mengambil kira tahun buatan
- vi. Memiliki kenderaan bagi bahan bakar elektrik dan tidak mengambil kira tahun buatan

**PENGESAHAN TRANSAKSI PEMILIKAN HARTA TANAH / PEMBELIAN SAHAM
KOD ALASAN 28 / 30**

18. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus bagi kod 28 / 30 berkenaan status transaksi pemilikan harta tanah / pembelian saham melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh rayuan STR dibuka?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

ALASAN KOD – KOD LAIN TIDAK LULUS

19. S: Saya Tidak Lulus Kod 06 tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Apakah kriteria bagi kod alasan tersebut?

J: **Kriteria bagi permohonan Tidak Lulus Kod 06 adalah seperti berikut:**

- i. Pemohon berumur 18 tahun dan ke bawah
- ii. Tiada data di Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) bagi pemohon yang berumur 19 tahun - 20 tahun
- iii. Pemohon wujud sebagai pelajar sepenuh masa

20. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus kerana tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang (Kod 06). Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR dan apakah dokumen pembuktian yang perlu saya kemukakan?

J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR sekiranya berumur 21 tahun dan ke atas atau 19 tahun dan ke atas bagi pemohon berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); atau dokumen pembuktian yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Salinan Kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon yang berumur 19 tahun dan ke atas
- ii. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2022 / 2023 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau
- iii. Dokumen pembuktian Belajar Separuh Masa bagi sesi 2022 / 2023 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas

- 21. S: Saya masih belajar sepenuh masa dan Permohonan STR saya adalah berstatus Tidak Lulus bagi Kategori Bujang (Kod 06). Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR?**
- J: Tidak. Walau bagaimanapun maklumat anda boleh didaftarkan sebagai anak di permohonan ibu bapa. Sekiranya anda merupakan pelajar bagi mod pengajian separuh masa, anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 2022 / 2023 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas.
- 22. S: Sekiranya Permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus bagi Kod 33 / 35 / 36 / 37 (Pemohon / Pasangan wujud di permohonan lain) adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian?**
- J: Tidak. Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian tidak dibenarkan bagi kod tidak lulus tersebut. Anda perlu membuat Permohonan Rayuan STR dengan mengisi Borang Permohonan Rayuan STR dan perlu dihantar ke Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM yang terdekat.
- 23. S: Saya Tidak Lulus Kod 73 semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan. Apakah kriteria pemilikan kediaman bagi kod alasan tersebut?**
- J: Kriteria pemilikan kediaman bagi Kod Alasan Tidak Lulus 73 adalah pemohon / pasangan memiliki 3 atau lebih kediaman berdasarkan semakan akaun bil elektrik dengan agensi Kerajaan berkaitan.
- 24. S: Saya memiliki 3 kediaman berdasarkan akaun bil elektrik, 2 kediaman adalah milik saya dan selebihnya adalah rumah yang disewa oleh saya. Sekiranya ingin membuat Permohonan Rayuan STR dokumen pembuktian apakah yang perlu dikemukakan?**
- J: Dokumen pembuktian yang perlu dikemukakan oleh anda adalah perjanjian sewa rumah. Bagi permohonan berstatus Tidak Lulus kod 73 anda perlu mengemukakan dokumen pindah milik / penjualan rumah / cukai tanah / cukai pintu sekiranya berkenaan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.
- 25. S: Saya memiliki kereta AUDI dan tahun buatan 2019. Adakah saya layak menerima STR 2023?**
- J: Tidak. Sekiranya pemohon memiliki kenderaan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40), Permohonan STR pemohon adalah Tidak Lulus bagi Kod Alasan 22 / 23 / 24. Rujuk soalan 17
- 26. S: Saya telah Lulus Permohonan STR dengan pendapatan Isi Rumah melebihi RM2,501, walau bagaimanapun pasangan saya telah berhenti kerja. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi perubahan pendapatan?**
- J: Ya. Anda dibenarkan untuk membuat Permohonan Rayuan Tambahan disebabkan berlaku perubahan pendapatan Isi Rumah. Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

27. S: Maklumat anak saya adalah tidak layak kerana tidak melepas syarat kelayakan umur lebih dari 19 tahun sebagai pelajar sepenuh masa tetapi anak saya masih lagi belajar. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi maklumat anak tersebut?

J: Ya. Rayuan Tambahan STR boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2022/2023.

28. S: Permohonan STR saya telah Lulus, walau bagaimanapun maklumat anak saya tidak layak kerana anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi anak tersebut?

J: Ya. Rayuan Tambahan boleh dilakukan tanpa sebarang dokumen pembuktian, semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Anda juga dibenarkan untuk membuat Permohonan Rayuan Tambahan dengan maklumat anak lain yang menepati syarat kelayakan.

29. S: Apakah Kod Alasan Tidak Lulus STR dan Dokumen Sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR?

J: Kod Tidak Lulus Permohonan STR dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR adalah seperti berikut:

KOD		PENERANGAN / DOKUMEN SOKONGAN
01	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
02	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
03	ALASAN	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
04	ALASAN	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)

05	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Maklumat Pengenalan Pasangan perlu pengesahan Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen Pengenalan Pasangan; atau ii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR); atau iii. Sijil Perkahwinan (sekiranya pemohon tidak mempunyai anak)
06	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pemohon tidak melepas syarat kelayakan bagi Kategori Bujang 1. Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); atau 2. Dokumen asal dan Salinan yang boleh dikemukakan ialah: i. Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon berumur 19 tahun dan ke atas; atau ii. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi sesi 2022 / 2023 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau iii. Dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 22 / 2023 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas
07	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan agensi mendapati Anak tidak melepas syarat kelayakan bagi umur lebih dari 19 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi sesi 2022 / 2023; dan ii. Kad Pelajar anak sesi 2022 / 2023
08	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000 iii. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan iv. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
09	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000 termasuk pendapatan sewa i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
10	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500 i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

11	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500 termasuk pendapatan sewa
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
12	ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
13	ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi termasuk pendapatan sewa
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
14	ALASAN	Pemohon / Pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
15	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
16	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pengarah Syarikat
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
17	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

18	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
19	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pasangan berdaftar sebagai Pengarah Syarikat i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
20	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pasangan berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
21	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pemohon memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
22	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40). i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
23	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40). i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
24	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40). i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

25	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan - Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
27	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan - Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
28	ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah yang melebihi RM350,000
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian Transaksi Pemilikan Hartanah ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
30	ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pembelian Saham
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian Transaksi Pembelian Saham ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
31	ALASAN	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
32	ALASAN	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemohon sendiri perlu hadir ke LHDNM bersama-sama borang Permohonan Rayuan STR 2023: dan ii. Salinan MyKAD Pemohon

33	ALASAN	Pemohon wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none">1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023.2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:<ol style="list-style-type: none">i. Status Kahwin<ol style="list-style-type: none">a) MyKAD Pemohon; danb) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atauc) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda<ol style="list-style-type: none">a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); danb) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
35	ALASAN	Pasangan wujud sebagai Pemohon di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none">1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023.2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:<ol style="list-style-type: none">i. Status Kahwin<ol style="list-style-type: none">a) MyKAD Pasangan; danb) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atauc) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda<ol style="list-style-type: none">a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); danb) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)

36	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pasangan wujud sebagai Pasangan di permohonan lain <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKAD / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR (Pas Sempadan): dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau c) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
37	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pasangan wujud sebagai Anak di permohonan lain <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pasangan; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau c) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> c) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan d) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
38	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak telah membuat permohonan lain <ol style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan

39	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak wujud sebagai Pasangan di permohonan lain <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
41	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKAD / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan); dan c) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau d) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
43	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Status Perkahwinan perlu pengesahan <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKAD / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan); dan c) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau d) Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)
44	ALASAN TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Semakan agensi mendapati Anak berstatus Kahwin <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan

46	ALASAN	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat anak dalam permohonan); atau c) Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)
48	ALASAN	Anak meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</p> <p>ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan</p> <p>iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</p>
49	ALASAN	Anak tidak menepati syarat kelayakan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</p> <p>ii. Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan</p> <p>iii. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</p>
70	ALASAN	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 31 Mac 2023</p> <p>2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
71	ALASAN	Pasangan meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>i. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian kematian pasangan meninggal dunia</p> <p>ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</p>
72	ALASAN	Semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>1. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan</p> <p>2. Pemohon perlu melaporkan maklumat pendapatan pada Borang Permohonan Rayuan STR</p>

73	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none">1. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah :<ol style="list-style-type: none">i. Dokumen Pindah Milik / Penjualan Rumah / Cukai Tanah / Cukai Pintuii. Perjanjian sewa rumah bagi perayu yang menyewa